

04/08/1999

Laporan polis strategi Anwar: Dr M

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros; Jalal Ali Abdul Rahim
IPOH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjangka Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan-rakannya akan membuat lebih banyak laporan polis mendakwa penyelewengan dan rasuah membabitkan pemimpin kerajaan.

Perdana Menteri berkata itu adalah strategi Anwar agar perbicaraannya berlarutan sehingga tamat pilihan raya umum nanti.

Katanya, strategi itu digunakan bagi menyekat pemimpin kerajaan daripada memperkatakan mengenai kesnya yang boleh dianggap suatu kesalahan menghina mahkamah.

"Strategi itu kita faham, tetapi kita pun tahu cara macam mana kita boleh kata sesuatu yang tidak akan menyebabkan kita menghina mahkamah.

"Saya tahu strategi dia (Anwar). Dia akan bawa macam-macam (laporan), dulu dia kata dia akan 'fight' (lawan balik). Inilah 'fight' (lawan)nya," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Kilat Khas Perumahan Kos Rendah Perak di Taman Bercham Raya, dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan Anwar yang membuat beberapa laporan polis berhubung dakwaan penyelewengan, termasuk ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, bulan lalu.

Anwar dalam laporan polisnya mendakwa, Rafidah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera Miti, terbabit secara langsung dalam keputusan meluluskan 1.5 juta unit saham Leader Universal Holdings Bhd kepada menantunya, Fazrin Azwar Mohd Nor.

Sementara itu, Dr Mahathir juga berkata, polis akan menyiasat laporan mengenai dakwaan berlakunya penyelewengan pemberian saham dan rasuah pemimpin kerajaan yang disebarkan secara meluas dalam Internet.

Menurut Perdana Menteri, siasatan itu perlu bagi mengenal pasti kesahihan dan ketulenan dokumen 'rahsia kerajaan' yang kononnya mengaitkan beberapa menteri dengan kes itu.

Beliau berkata, siasatan itu juga bagi mengenal pasti cara dokumen itu diperolehi dan disiarkan, sedangkan dokumen berkenaan seharusnya tidak didedahkan kerana membabitkan kes mahkamah.

Sementara itu, ditanya sama ada pilihan raya umum semakin hampir berikutan arahan beliau kepada pemimpin Barisan Nasional (BN) menyiapkan laporan mengenai keadaan ahli parti di peringkat bawahan, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Kita akan tunggu sehingga bendera Pas reput".

"Anda boleh membuat tafsiran sendiri yang anda suka. Saja akhbar kata pilihan raya tidak lama lagi. Itu kata surat khabar, tetapi saya juga berkata perkara lain yang memberi tanda pilihan raya ambil masa lebih lama.

"Kecuali Pas membuat bendera daripada kertas, ia koyak lebih cepat dan kita boleh mengadakan pilihan raya lebih cepat. Tetapi jika (bendera) dibuat daripada kanvas ia mengambil masa lebih lama. Mungkin pilihan raya Ogos tahun depan," katanya.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan mengadakan lawatan kedua ke seluruh negara selepas lawatan pertama bagi menandakan Parlimen hanya dibubarkan mengikut tempoh ditetapkan, iaitu Jun tahun depan.

Ditanya mengenai sokongan rakyat terhadap kerajaan BN, Dr Mahathir berkata beliau mendapati kini mereka lebih bersedia menyokong BN, walaupun pada mula pemecatan Anwar mereka agak sukar menerima hakikat berkenaan.

(END)